

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
<b>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Merchantrade Insure – Life. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak polisi.</b>	<b>Merchantrade Insure – Life</b>

### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Merchantrade Insure – Life ialah pelan insurans hayat Tempoh Diperbaharui Tahunan (YRT). Polisi ini menyediakan perlindungan sedunia 24 jam kepada Hayat Diinsuranskan bagi kematian akibat semula jadi atau kemalangan.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

<b>Manfaat Kematian Asas</b>	100% Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar, apabila berlaku kematian Hayat Diinsuranskan atas mana-mana sebab.
<b>Manfaat Kematian Tambahan Akibat Penyakit Khusus*</b>	Tambahan 100% Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar, apabila berlaku kematian Hayat Diinsuranskan akibat Penyakit Khusus.

\* Penyakit Khusus bermaksud demam Denggi, demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Influenza Burung dan virus Zika.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu dibayar bergantung kepada pelan yang dipilih:

Jumlah Asas Diinsuranskan (RM)	Premium (RM)			
	Pelan 1 Bulan	Pelan 3 Bulan	Pelan 6 Bulan	Pelan 12 Bulan
4,000	1.00	3.00	6.00	12.00
6,000	1.50	4.50	9.00	17.00
8,000	2.00	6.00	12.00	22.00
12,000	3.00	9.00	18.00	30.00
16,000	4.00	12.00	24.00	40.00
20,000	5.00	15.00	30.00	50.00
30,000	7.50	22.50	45.00	75.00

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen 10% akan dibayar kepada ejen jualan daripada premium yang dikumpulkan.

### 5. Apakah terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Kewajipan pendedahan – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda ketahui atau patut ketahui seperti umur dan keadaan kesihatan anda yang mungkin mempengaruhi profil risiko. Anda perlu memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat kerana ia membentuk asas kontrak insurans.
- Tunai sebelum perlindungan – Premium penuh harus dibayar sebelum tarikh kuatkuasa polisi.
- Had umur – 18 tahun sehingga 60 tahun pada hari jadi lepas, pembaharuan sehingga umur 66 tahun pada hari jadi lepas.
- Anda layak menerima tempoh percubaan percuma/bertenang lima belas (15) hari kalendar dari tarikh permulaan polisi untuk menilai kesesuaian polisi. Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh percubaan percuma/bertenang ini dan mendapatkan pemulangan premium yang penuh, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah polisi ini.
- Tempoh Tangguh –
  - Untuk pelan 12 bulan: Tiga puluh (30) hari dari tarikh kena bayar premium. Jika sebarang premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tangguh, Polisi akan luput.
  - Untuk pelan lain: Polisi akan luput jika sebarang premium masih tidak dibayar selepas tarikh kena bayar premium. Jika sebarang premium dibayar selepas tarikh kena bayar premium, polisi terdahulu tidak akan dikembalikan dan sebaliknya polisi baru akan dikeluarkan.

*Perhatian: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini.*

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
<b>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Merchtrade Insure – Life. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak polisi.</b>	<b>Merchantrade Insure – Life</b>

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Manfaat di bawah pelan ini tidak akan melindungi apa-apa kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana kejadian berikut:

- i. Sebarang pendedahan sengaja kepada bahaya, bunuh diri atau kecederaan disengajakan
- ii. Sebarang perbuatan menyalahi undang-undang atau tindakan yang diambil oleh penguatkuasa undang-undang
- iii. Peperangan, serangan, pemberontakan, keganasan
- iv. Penyertaan dalam kekacauan awam

*Perhatian: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada Merchtrade. Borang pembatalan boleh diperoleh daripada cawangan, wakil atau laman web Merchtrade. Borang pembatalan lengkap mesti diserahkan kepada Merchtrade menerusi cawangan atau wakilnya. Dengan ini dimaklumkan bahawa produk ini tiada nilai serahan.

Anda juga layak menerima tempoh percubaan percuma / bertenang lima belas (15) hari kalendar dari tarikh permulaan polisi untuk menilai kesesuaian polisi. Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh percubaan percuma/bertenang ini dan mendapatkan pemulangan premium penuh, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

**8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?**

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan anda (termasuk butir-butir hubungan penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan segala komunikasi melalui surat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Pemberitahuan Tuntutan**

Jika berlaku kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, dokumen berikut mesti diberikan kepada Merchtrade menerusi cawangan atau wakil:

- i. Borang Tuntutan Kematian yang lengkap diisi
- ii. Sekurang-kurangnya sijil kematian Hayat Diinsuranskan. Dokumen lain yang mungkin diperlukan bergantung kepada keadaan.

Tuntutan akan dinilai dan dimaklumkan kepada benefisiari dalam masa 5 hari kerja selepas dokumentasi lengkap diserahkan. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi Merchtrade:

- E-mel : [MI\\_enquiries@mtradeasia.com](mailto:MI_enquiries@mtradeasia.com)
- Talian Khas : 03-8313 8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00pg to 5:30ptg (Kecuali cuti umum)]

**10. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk risalah insuranceinfo. Anda boleh mendapatkan risalah tersebut daripada ejen insurans atau mengunjungi <http://www.insuranceinfo.com.my>.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**MCIS Insurance Berhad (435318-U)**

Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Surat-Menyurat: Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-7652 3388 Faks: 03-7957 1562

E-mel: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

Laman utama: [www.mcis.my](http://www.mcis.my)

**11. Apakah pelan serupa lain yang disediakan?**

Sila rujuk kepada cawangan, ejen atau laman web kami [www.mcis.my](http://www.mcis.my) untuk jenis perlindungan serupa lain yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**  
**PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Merchantrade Insure – Life. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak polisi.	<b>Merchantrade Insure – Life</b>

Inisiatif oleh:

